



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**HUBUNGAN ANTARA MEDIA SOSIAL DENGAN TINGKAH LAKU
AGRESIF DALAM KALANGAN PELAJAR
SEKOLAH MENENGAH SWASTA**

LOH KAI XIN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara penggunaan media sosial dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah swasta. Kajian juga meninjau dan meneliti jenis-jenis media sosial yang dominan serta perbezaan penggunaan media sosial dan tingkah laku agresif di kawasan bandar dan luar bandar. Kajian ini berbentuk kajian kes dengan menggunakan pendekatan kuantitatif menggunakan instrumen soal selidik. Pemilihan responden kajian dijalankan secara persampelan rawak mudah yang melibatkan 278 orang pelajar dari Tingkatan 3 hingga Tingkatan 5 di sekolah menengah swasta kawasan Ipoh dan Taiping, Perak. Instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik berstruktur. Data dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif dan inferens. Analisis deskriptif mengukur penggunaan media sosial pelajar dan jenis media sosial yang dominan, manakala statistik inferens pula melibatkan ujian korelasi *Spearman* dan ujian t sampel bebas yang menerangkan hubungan serta perbezaan antara pemboleh ubah kajian. Hasil kajian menunjukkan media sosial Facebook (46.4%) yang paling dominan diikuti oleh YouTube (21.9%), Instagram (19.8%), WeChat (9.4%) dan lain-lain (2.6%). Seterusnya, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan tetapi lemah antara media sosial Facebook ($r=0.29$), Instagram ($r=0.12$), YouTube ($r=0.17$) dan WeChat ($r=0.19$) dengan tingkah laku agresif pelajar. Sampel kajian seramai 278 pelajar telah dipilih secara rawak dan diagih kepada kumpulan bandar ($n=139$) dan kumpulan luar bandar ($n=139$). Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan signifikan [$t(276)=2.53$, $p<0.05$] antara tingkah laku agresif dalam kalangan responden di kawasan bandar ($M=3.67$, $SP=0.26$) dan luar bandar ($M=3.60$, $SP=0.23$). Kesimpulan daripada kajian menunjukkan hubungan yang signifikan tetapi lemah antara penggunaan media sosial dengan tingkah laku agresif dalam kalangan responden. Implikasi kajian menunjukkan bahawa dapatan empirikal kajian dapat digunakan oleh pihak sekolah serta warga pendidik untuk membangunkan program pemulihan tingkah laku agresif pelajar yang disebabkan oleh pengaruh media sosial.





THE RELATIONSHIP BETWEEN SOCIAL MEDIA AND AGGRESSIVE BEHAVIOR AMONG PRIVATE SECONDARY SCHOOL STUDENTS

ABSTRACT

This study aimed to identify the relationship between social media use and aggressive behavior among private high school students. The study also examines the dominant types of social media as well as differences in social media use and aggressive behavior in urban and rural areas. This study is a case study using a quantitative approach through a set of questionnaires. The respondents of the study were conducted on a random sampling of 278 students from Form 3 to Form 5 in the private high schools of Ipoh and Taiping, Perak. The research instrument used was a structured questionnaire. Data were analyzed using descriptive and inferential analysis. Descriptive analysis measures student social media use and dominant social media types, while inferential statistics include Spearman's correlation test and independent sample t-test explaining the relationship and differences between study variables. The results showed that the most dominant social media was Facebook (46.4%) and followed by YouTube (21.9%), Instagram (19.8%), WeChat (9.4%) and others (2.6%). Further, the findings also show that there is a significant but weak relationship between social media Facebook ($r=0.29$), Instagram ($r=0.12$), YouTube ($r=0.17$) and WeChat ($r=0.19$) with student aggressive behavior. The study sample of 278 students was randomly selected and distributed to urban groups ($n=139$) and rural groups ($n=139$). The findings showed that there was a significant difference [$t(276)=2.53$, $p<0.05$] between aggressive behavior among respondents in urban areas ($M=3.67$, $SP=0.26$) and rural areas ($M=3.60$, $SP=0.23$). The findings from the study indicate a significant but weak relationship between social media use and aggressive behavior among respondents. The implications of the study indicate that the empirical findings of the study can be used by schools and educators to develop students' aggressive behavior rehabilitation programs as a result of social media influence.



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	6
1.3	Pernyataan Masalah	8
1.4	Objektif Kajian	13
1.5	Persoalan Kajian	14
1.6	Hipotesis Kajian	15
1.7	Batasan Kajian	16
1.8	Kepentingan Kajian	20
1.9	Kerangka Konseptual Kajian	22
1.10	Definisi Operational	23
1.10.1	Pengaruh	23

1.10.2	Media Sosial	24
1.10.3	Tingkah Laku Agresif	24
1.10.4	Pelajar Sekolah Menengah Persendirian Cina	25
1.11	Rumusan	25

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	26
2.2	Globalisasi dan Media Massa	27
2.3	Pengaruh Media Sosial	30
2.4	Tingkah Laku Sosial	38
2.4.1	Teori Pembelajaran Sosial Bandura (1997)	40
2.4.2	Teori-teori lain yang berkaitan	42
2.5	Gejala Buli Dalam Kalangan Remaja	45
2.6	Kajian-kajian Lepas	47
2.6.1	Kajian dalam negara	48
2.6.2	Kajian luar negara	52
2.7	Rumusan	55

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pendahuluan	56
3.2	Reka Bentuk Kajian	57
3.3	Lokasi Kajian	58
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	58
3.5	Instrumen Kajian	59
3.6	Kajian Rintis	62



3.7	Teknik Pengumpulan Data	65
3.8	Teknik Penganalisisan Data	67
3.9	Prosedur Analisis Data	68
3.10	Kesimpulan	70

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	71
4.2	Pengurusan Data	72
4.3	Latar Belakang Responden	72
4.4	Analisis Deskriptif	
4.4.1	Keputusan Persoalan Kajian	74
4.5	Analisis Inferensi	
4.5.1	Keputusan Hipotesis Kajian	77
4.5.1.1	Pengujian Ha1	78
4.5.1.2	Pengujian Ha2	79
4.5.1.3	Pengujian Ha3	80
4.5.1.4	Pengujian Ha4	81
4.5.1.5	Pengujian Ha5	82
4.5.1.6	Pengujian Ha6	83
4.6	Ringkasan Keputusan Hipotesis Kajian	84
4.7	Rumusan	85

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pendahuluan	87
-----	-------------	----





5.2 Perbincangan Dapatan Kajian

5.2.1 Tahap Penggunaan Media Sosial 89

5.2.2 Jenis Media Sosial yang Paling Dominan 91

5.2.3 Hubungan Penggunaan Media Sosial dengan Tingkah
Laku Agresif 94

5.2.4 Perbezaan antara penggunaan media sosial dalam
kalangan pelajar sekolah menengah di kawasan bandar
dan luar bandar 96

5.2.5 Perbezaan antara tingkah laku agresif dalam
kalangan pelajar sekolah menengah swasta di kawasan
bandar dan luar bandar 98

5.3 Implikasi Kajian 101

5.4 Cadangan Kajian Lanjutan 104

5.5 Kesimpulan 106

RUJUKAN 109

LAMPIRAN

A Instrumen Borang Soal Selidik Kajian





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Bilangan sampel yang dipilih daripada populasi kajian	59
3.2 Penerangan Skala Likert	61
3.3 Interpretasi skor min dan tahap penggunaan media sosial	61
3.4 Pekali <i>Alpha Cronbach</i>	64
3.5 Nilai Alpha bagi setiap persoalan kajian	64
3.6 Bentuk kajian dan kaedah analisis data persoalan kajian	67
3.7 Kaedah Analisis Data	69
4.1 Statistik deskriptif latar belakang responden	73
4.2 Kekerapan, peratusan dan tahap penggunaan media sosial dalam kalangan pelajar	75
4.3 Kekerapan dan peratusan bagi jenis media sosial yang paling dominan	76
4.4 Nilai Pekali Korelasi Spearman	77
4.5 Korelasi Antara Facebook Dengan Tingkah Laku Agresif dalam kalangan Pelajar Sekolah Menengah Swasta	78
4.6 Korelasi Antara Instagram Dengan Tingkah Laku Agresif dalam kalangan Pelajar Sekolah Menengah Swasta	79
4.7 Korelasi Antara YouTube Dengan Tingkah Laku Agresif dalam kalangan Pelajar Sekolah Menengah Swasta	80
4.8 Korelasi Antara WeChat Dengan Tingkah Laku Agresif dalam kalangan Pelajar Sekolah Menengah Swasta	81
4.9 Keputusan Ujian t-Sampel Bebas	82
4.10 Keputusan Ujian t-Sampel Bebas	83
4.11 Rumusan Keputusan Hipotesis Kajian	84





SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

1.1	Kerangka Konseptual Kajian	22
-----	----------------------------	----





BAB 1

PENGENALAN



Dalam dunia tanpa sempadan atau dikenali sebagai globalisasi zaman kini, masyarakat kita dapat mengakses pelbagai jenis teknologi komunikasi dengan mudah melalui jaringan sosial, emel, blog dan telefon pintar. (Che Hasniza Che Noh & Mohd Yusri Ibrahim, 2013). Berdasarkan kepada kajian Wan Hassan, Zulaili, Zetty Heriza, Mardhiyana dan Farisah (2015), penggunaan Internet pada zaman kini semakin meningkat sejak beberapa dekad yang lalu. Merujuk kepada suatu kajian statistik media sosial di Malaysia, didapati bahawa populasi Malaysia seramai 31.83 juta, pengguna Internet telah merangkumi 25.08 juta.

Pada Januari 2018, statistik mendapati bahawa terdapat 24 juta pengguna media sosial di Malaysia dan 70% daripadanya menggunakan Facebook, 69% menggunakan





YouTube, 49% menggunakan Instagram serta 40% yang menggunakan WeChat (Malaysia-Sosial-Media-Statistiks, 2018). Data statistik ini menunjukkan data platform media sosial yang paling aktif di Malaysia merupakan media sosial Facebook dan YouTube. Fenomena ini berlaku disebabkan oleh Internet banyak memberikan faedah dalam mendapatkan pelbagai maklumat yang diperlukan oleh para pengguna komputer. Melalui Internet, para pengguna dapat berhubung, bertukar pendapat serta mengenali satu sama lain melalui platform dan rangkaian sosial seperti Twitter, Blogger, Instagram, WeChat, Facebook, Youtube dan sebagainya.

Berhadapan dengan pembangunan teknologi yang begitu pesat, Internet dan media seolah-olahnya telah menjadi suatu ketagihan bagi masyarakat di Malaysia terutamanya dalam kalangan remaja. Dalam kajian Wan Norina Wan Hamat, Zaharah Hussin, Ahmad Fkrudin Mohamed Yussoff, dan Ahmad Arifin Sapar (2013) turut menyokong kenyataan yang dinyatakan bahawa Internet dan media telah menjadi suatu ketagihan kepada golongan masyarakat terutamanya para remaja dan pelajar. Hasil kajian mendapati bahawa para remaja terutamanya mereka yang berada di alam persekolahan amat gemar untuk melayari laman web bagi tujuan bersantai. Berdasarkan kepada hasil kajian tersebut, didapati bahawa lebih daripada 80% pelajar telah menggunakan masa lebih daripada tiga jam dalam sehari untuk tujuan melayari laman media sosial secara bersantai. Rangkaian media sosial yang menjadi pilihan dominan mereka ialah rangkaian YouTube, WeChat, Facebook, Twitter, Instagram dan sebagainya.

Pernyataan ini juga dibukti dalam kajian Fariza Md Sham dan Muhammad Faisal Ashaari (2010) bahawa Facebook merupakan antara media sosial yang paling dominan





di negara kita dan kebanyakan pengguna Facebook Malaysia adalah mereka yang berada pada umur 12 hingga 35 tahun. Dengan ini, boleh dikatakan bahawa generasi muda terutamanya para remaja seolah-olah mempunyai genetik Internet sejak dilahirkan. Hal ini demikian kerana mereka dilahirkan pada zaman transformasi Internet iaitu apabila penggunaan Internet semakin meluas di seluruh dunia. Dengan wujudnya Internet, cara manusia berinteraksi, berkongsi maklumat dan bekerja telah diubah secara drastik.

Merujuk kepada Harrison dan Thomas (2009), teknologi web generasi kedua atau dikenali sebagai web 2.0 telah menawarkan peluang yang menarik perhatian para pengguna dari segi komunikasi dan interaksi antara satu sama lain. Teknologi ini adalah berbeza daripada teknologi yang lama kerana teknologi tersebut hanya mempunyai rangkaian web statik dan kurang diberikan peluang untuk berinteraksi. Teknologi web 1.0 juga hanya berfokuskan maklumat yang diwujudkan oleh sesetengah individu dalam bilangan yang kecil bagi jumlah pengguna yang besar. Di samping itu, pengguna zaman sekarang juga memilih media sosial dalam bentuk baru ini bagi memenuhi nafsu mereka dari segi sosial dan psikologi. Seterusnya, mereka telah menjalankan aktiviti sosial melalui media sosial secara atas talian dengan berinteraksi, berbual dan merapatkan hubungan antara satu sama lain.

Kewujudan teknologi aplikasi rangkaian sosial dalam bentuk 2.0 dan 3.0 yang mengutamakan pengaksesan Internet serta alat-alat pintar, aplikasi ini telah menjadi salah satu media baharu yang menggabungkan elemen-elemen utama seperti teknologi, perbualan, dan perkongsian maklumat yang melibatkan pembabitan masa serta mempunyai kebolehan yang lebih hebat. Satu organisasi bebas, iaitu *Sosial Networking*





Fact Sheet (2018) telah menjalankan suatu kajian dan mendapati bahawa 88% remaja (18-29 tahun) menggunakan laman jaringan sosial merupakan peratus tertinggi berbanding peringkat umur lain. Laman web ini juga menyatakan lima jenis media sosial yang menjadi pilihan utama remaja merangkumi medium Facebook (74%), Twitter (46%), Instagram (60%), Snapchat (63%) dan YouTube (45%).

Namun demikian, penggunaan media sosial ini kerap disalahgunakan oleh pengguna Internet terutamanya golongan muda. Zaleha (2010) menyatakan bahawa media massa dan media sosial yang meliputi Internet serta media elektronik telah membawa implikasi yang signifikan terhadap gaya hidup para remaja. Media-media dan Internet seperti video dan rancangan televisyen mempunyai unsur-unsur agresif seperti watak antagonis atau watak jahat yang akan mempengaruhi para remaja dalam kehidupan mereka. Adegan-adegan negatif tersebut telah memberi idea kepada mereka untuk melakukan gejala sosial serta tindakan agresif.

Sebenarnya, kita boleh lihat bahawa masyarakat pada zaman kini lebih cenderung untuk menggunakan media sosial untuk berinteraksi serta memberi pandangan terhadap isu-isu hangat selain daripada mengemukakan idea secara bersemuka. Fenomena ini telah menjadi suatu hakikat yang tidak dapat dinafikan. Jenis media sosial yang dipilih oleh para remaja seperti WeChat, Instagram, Facebook, Twitter dan sebagainya telah menjadi medium utama masyarakat untuk berhubung dan berinteraksi. Dengan kemudahan teknologi moden dan penggunaan telefon pintar, para pengguna Internet berupaya untuk mendapatkan maklumat serta membuat perkongsian secara pantas dan segera.





Rangkaian-rangkaian media sosial seperti Facebook dan Instagram menawarkan banyak peluang harian untuk menghubungi dan berinteraksi dengan rakan, rakan sekelas, dan orang yang mempunyai minat yang sama. Sepanjang lima tahun yang lalu, bilangan remaja yang menggunakan laman media sosial telah meningkat secara dramatik. Menurut Statistik Penggunaan Media Sosial Malaysia (2018), 83% pengguna Internet di Malaysia melayari laman Internet setiap hari, 11% menggunakan laman Internet sekurang-kurangnya sekali seminggu, 4% sekurang-kurangnya sekali sebulan dan hanya 1% yang menggunakan kurang daripada sekali sebulan. Hasil daripada tinjauan tersebut menunjukkan bahawa rakyat Malaysia menggunakan Internet hampir setiap hari. Tinjauan tersebut juga menunjukkan bahawa 75% remaja sekarang memiliki telefon bimbit, dan 25% menggunakannya untuk media sosial, 54% menggunakannya untuk menghantar mesej dan 24% menggunakannya untuk pesanan segera (Statistik Penggunaan Media Sosial Malaysia, 2018). Oleh itu, sebahagian besar perkembangan sosial dan emosi generasi muda ini berlaku semasa penggunaan Internet dan telefon bimbit. Oleh kerana pengawalan diri mereka adalah terhad dan mudah dipengaruhi oleh rakan sebaya, para remaja menghadapi risiko yang besar semasa menggunakan media sosial.

Merujuk kepada dapatan-dapatan kajian lepas tersebut, dapat dirumuskan bahawa keganasan dan keagresifan dalam media sosial akan membawa kesan yang ketara terhadap perlakuan yang melibatkan keagresifan dan keganasan terhadap golongan remaja dan pelajar yang masih belajar di sekolah tidak kira sekolah kerajaan atau sekolah swasta. Masalah ini dikenal pasti sebagai salah satu cabaran yang amat serius pada hari ini. Cabaran ini perlu ditangani dalam masa yang singkat supaya keganasan





dalam media sosial tidak akan terus memberi impak yang buruk terhadap para pelajar masa masa sekarang dan masa hadapan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian baru-baru ini menunjukkan bahawa terdapat tingkah laku yang negatif seperti pembulian, pembentukan kelompok, masalah seksual dalam kalangan remaja, ketagihan Internet dan sebagainya telah muncul akibat penggunaan media sosial tanpa kawalan. Media sosial merupakan salah satu platform yang membawa pengaruh yang signifikan dalam kehidupan masyarakat zaman sekarang. Media sosial dari semasa ke semasa semakin menjadi popular dalam kalangan masyarakat global. Secara tidak langsung, media sosial telah menjadi salah satu media yang memberikan pelbagai kelebihan berbanding dengan media lain (Khusnul Hanafi & Mohd Helmi, 2017).

Kajian ini melihat kesan media sosial terhadap para remaja terutamanya dalam aspek perlakuan dan pergaulan sosial mereka. Bagi memahami tahap penggunaan serta pengaruh media sosial dalam pembentukan tingkah laku remaja, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji tahap penggunaan media sosial dalam kalangan pelajar sekolah menengah swasta yang terdiri daripada mereka yang berumur antara 15 hingga 18 tahun di kawasan Ipoh dan Taiping Perak. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Khusnul Hanafi dan Mohd. Helmi (2017), media sosial seperti Facebook, WhatsApp, YouTube, Twitter dan Instagram merupakan media sosial yang paling dominan digunakan dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Dalam kajian ini, pengkaji telah meninjau jenis-





jenis media sosial yang paling popular dan menjadi pilihan utama dalam kalangan remaja.

Di samping itu, hubungan antara penggunaan media sosial dengan perlakuan yang melibatkan keagresifan dan keganasan dalam kalangan remaja juga dikenal pasti melalui kajian ini. Pengkaji telah memilih responden kajian yang terdiri daripada pelajar Tingkatan 3 hingga Tingkatan 5. Hal ini demikian kerana penggunaan Internet yang melampau telah berlaku dalam kalangan remaja dan menyebabkan ketagihan Internet. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Raja Shahrina (2011), golongan yang lebih bergantung kepada Internet merupakan golongan remaja terutamanya mereka yang berada di alam persekolahan. Ketagihan terhadap Facebook telah mempengaruhi para remaja serta keseluruhan lapisan masyarakat. Menurut Raja Shahrina (2011), ketagihan Internet boleh menyebabkan perubahan tingkah laku seseorang tanpa disedari. Seperti yang mana dinyatakan oleh Mohd Naeemil (2010) dalam kajian Raja Shahrina (2011), seorang wanita di Amerika Syarikat telah mati dibunuh kekasihnya kerana menukar status berkahwin kepada bujang di dalam Facebook.

Menurut Ahmad Sauffiyan (2016), YouTube merupakan medium utama dalam menghasilkan kandungan video, di mana ia boleh menjadi alat pemasaran yang paling berkuasa. Lebih daripada 50 tahun yang lalu, kajian-kajian mengenai hubungan antara pendedahan kepada unsur-unsur keganasan dan tingkah laku agresif dalam kanak-kanak telah dilakukan oleh para penyelidik sains sosial. Oleh itu, pengkaji berpendapat bahawa hubungan antara kandungan ganas media dengan tingkah laku agresif remaja perlu dikaji dari perspektif yang berbeza.





Anderson (2002) telah membina suatu model yang dikenali sebagai *Model General Aggression* (GAM) yang berupaya untuk memberi gambaran mengenai dorongan unsur-unsur keganasan terhadap pemikiran dan perlakuan agresif manusia. Berdasarkan teori *Model General Aggression*, anak-anak kita akan mencontohi “*skrip*” keganasan melalui unsur-unsur yang didedahkan daripada media yang berunsur keganasan. Mereka akan menukarkan tingkah laku agresif tersebut kepada perbuatan yang melibatkan aspek afektif, proses melakukan keputusan serta tingkah laku yang mampu membawa perubahan terhadap diri individu. Perubahan tersebut akan membawa kepada perubahan dari segi psikologi dan sosial terhadap kehidupan seharian individu tersebut.

Dengan ini, pengkaji berpendapat bahawa kehadiran media tidak kira dalam bentuk tradisional atau moden merupakan suatu isu yang akan terus mempengaruhi kehidupan seharian setiap manusia pada zaman sekarang. Oleh itu, tingkah laku agresif yang dipengaruhi oleh media sosial dalam kalangan pelajar di sekolah menengah perlu diatasi dengan secepat mungkin supaya tidak menjadi cabaran atau masalah yang akan membawa impak negatif terhadap perkembangan sahsiah serta akaedmik anak-anak Malaysia. Cabaran ini turut perlu ditangani untuk menyempurnakan hasrat kerajaan bagi melahirkan modal insan yang cemerlang.

1.3 Pernyataan Masalah

Laman media sosial telah menjadi suatu platform kepada manusia untuk memperluaskan rangkaian sosial mereka. Dengan ini, dapat dikatakan bahawa semua





pengguna Internet mempunyai sekurang-kurangnya satu akaun media sosial. Kejadian ini telah menjadi suatu fenomena sehingga menular di dalam kehidupan pengguna Internet seterusnya mendatangkan kesan sama ada baik dan buruk. Dengan ini, penggunaan media sosial telah menjadi risiko kepada para remaja secara tidak sedar (Kamaruzzaman Ismail, 2013). Implikasi yang dibawa oleh media sosial akan menyebabkan pelbagai bentuk gejala sosial serta masalah sosial yang serius dalam lapisan masyarakat kita. Antara masalah yang paling serius ialah gejala agresif dan keganasan dalam kalangan remaja. Beberapa tragedi dan kes yang berlaku sejak kebelakangan ini akibat masalah tingkah laku agresif remaja telah membuktikan bahawa tingkah laku agresif boleh mencetuskan pencederaan atau pembunuhan yang serius.



Salah satu kes keganasan yang berlaku di Seremban pada 2017 merupakan salah satu bukti bahawa media sosial telah mempengaruhi keagresifan para remaja di sekolah menengah. Pergaduhan antara pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Mantin, Nilai yang disebabkan oleh perbuatan mengutuk satu sama lain menerusi laman sosial Facebook telah menjadi tumpuan bagi kalangan masyarakat serta warga pendidik. Menurut Ketua Polis Daerah Nilai, Superintenden Zaldino Zaludin dalam Utusan Online (2017), dua orang remaja perempuan yang terlibat telah saling mengutuk dan memperli melalui laman media sosial Facebook sebelum berlakunya pertengkaran tersebut. Pertengkaran tersebut adalah disebabkan oleh penghinaan yang dilakukan oleh kedua-dua orang pelajar melalui siaran langsung Facebook. Zaldino turut berkata, pelajar Tingkatan 4 yang terlibat kemungkinan besar telah membuat kritikan dan kutukan terhadap pelajar Tingkatan 5 tersebut. Perlakuan ini telah menyebabkan mereka bertemu dan bergaduh di luar kawasan sekolah. Secara tidak langsung, penggunaan





media sosial Facebook telah mempengaruhi tingkah laku para remaja dari segi keagresifan dan keganasan. Dengan kesan-kesan yang dibawa oleh media sosial, tragedi pergaduhan ini telah berlaku akibat pengaruh daripada unsur-unsur keganasan dalam platform media sosial tersebut.

Seterusnya, kesan gejala buli yang semakin berleluasa dalam media sosial juga semakin membimbangkan warga pendidik. Menurut Syafique Shuib (2014) dalam laporan berita Astro Awani, video pergaduhan pelajar yang dikenali sebagai 'Gadis Pailang' yang menunjukkan seorang pelajar perempuan dibuli dengan kejam oleh sekumpulan pelajar perempuan lain telah muncul dan dikritik di media sosial. Kumpulan pelajar terbabit telah mengoyakkan tudung mangsa, mengheret, menendang dan menarik rambut mangsa, sehingga dia bertindak mengangkat tangan untuk melindungi mukanya. Dalam kejadian tersebut, pelakon *KL Gangster* Sofi Jikan telah mengakui bahawa lakonan antagonisnya hidup kerana mempunyai banyak pengalaman semasa berada di zaman sekolah dahulu. Beliau meminta maaf kerana telah mendatangkan pengaruh negatif melalui media sosial terhadap pelajar-pelajar yang terlibat dalam kes keganasan tersebut (Syafique Shuib, 2014). Dengan ini, boleh dilihat bahawa kegiatan keganasan dan buli yang berlaku di persekitaran kita semakin serius dan tidak terkawal disebabkan oleh pengaruh media sosial.

Selain daripada tragedi dan kejadian pergaduhan yang dinyatakan, kejadian seorang pelajar Tingkatan 2 di MRSM, Parit, Perak yang telah dibuli oleh lima orang pelajar senior di asrama juga dilaporkan dalam akhbar tempatan pada Ogos 2018 (Utusan Online, 2018). Pada jam 1.30 pagi di asrama sekolah, mangsa itu didapati telah dipukul pada bahagian tangan dan kakinya oleh kelima-lima orang pelajar senior





tersebut. Seterusnya, seorang pelajar perempuan bawah umur yang berusia 13 tahun telah dirogol oleh remaja-remaja lelaki yang berumur 15 hingga 17 tahun di Taiping, Perak pada bulan September 2018 (Utusan Online, 2018). Menurut Borneo Post (2016), akhbar-akhbar tempatan juga melaporkan lebih daripada 60% kes jenayah di Malaysia yang berkaitan dengan pengaruh media sosial. Dipercayai bahawa kebanyakan pengguna media sosial dan Internet yang terdiri daripada golongan remaja telah dipengaruhi oleh unsur-unsur negatif seperti keganasan, keagresifan, dan sebagainya melalui perkongsian video atau komen negatif dalam platform tersebut. Secara tidak langsung, senario ini telah menular dalam kalangan remaja dan pelajar sekolah rendah di negara Malaysia dan perlu diatasi dengan secepat mungkin supaya tiada isu yang lebih serius akan berlaku.



kes-kes yang telah berlaku di Malaysia sejak kebelakangan ini. Berdasarkan kepada laporan Utusan Malaysia (2016), indeks kes jenayah telah dicatatkan sebanyak 38,877 kes bagi tempoh Januari sehingga April 2016 sahaja. Berbanding tempoh yang sama dalam tahun 2015, jumlah itu merupakan peningkatan sebanyak 4.6% yang dianggap agak serius dan perlu diberi perhatian. Selain daripada itu, kes jenayah bagi para remaja dan pelajar di sekolah juga semakin meningkat dan membimbangkan. Pada tahun 2013, sebanyak 7,816 kes telah berlaku dan meningkat berbanding kepada 3,700 kes yang berlaku pada tahun 2012. Bagi kegiatan jenayah berat yang melibatkan golongan remaja yang tamat persekolahan juga semakin meningkat secara ketara. Pada tahun 2013, peningkatan sebanyak 137%, iaitu sebanyak 2,011 kes telah berlaku berbanding dengan 849 kes yang berlaku pada tahun 2012 (Harian Kosmo, 2014). Dengan ini, dapat ditekankan bahawa statistik indeks jenayah negara yang semakin meningkat perlu





dipandang serius oleh semua pihak yang berkuasa secara mendalam untuk mengatasi masalah yang berat ini.

Selain daripada kes-kes agresif yang berlaku di Malaysia, laporan-laporan jenayah luar negara juga menunjukkan bahawa kelakuan agresif banyak dipengaruhi oleh media sosial. Laporan Bahagian Jenayah dan Keganasan di Amerika menyatakan bahawa terdapat lebih daripada 20,000 kes pembunuhan, 75,000 kes rogol dan 600,000 kes penyerangan fizikal telah berlaku dalam masa setahun pada tahun 2001. Pelbagai jenis kajian yang telah dilakukan oleh pakar-pakar psikologi mendapati bahawa pendedahan secara langsung terhadap media merupakan satu penyebab utama bagi fenomena kelakuan agresif para remaja. Kenyataan ini turut disokong oleh Anderson dan Dill (2000), mereka menyatakan bahawa keagresifan yang dipengaruhi oleh media sosial akan menyebabkan seseorang individu kehilangan kawalan dalam dunia nyata akibat peningkatan rangsangan negatif dalam media sosial.

Di samping itu, media sosial juga banyak membawa pengaruh terhadap gejala tingkah laku agresif dan ganas terhadap remaja dan kanak-kanak (Anderson & Dill, 2000). Remaja mudah menerima unsur-unsur keganasan dalam media dan melakukannya kerana mereka merupakan golongan yang mudah mempelajari sesuatu sama ada yang positif atau negatif. Pernyataan ini turut disokong oleh Teori Pembelajaran Sosial daripada Bandura (1977) bahawa proses peniruan mudah berlaku dalam kalangan remaja terutamanya peniruan dari segi tingkah laku manusia. Hal ini demikian kerana mereka merupakan individu yang sedang mengalami proses penyesuaian diri dalam segi sosial dan psikologi serta sedang belajar untuk menghadapi masyarakat di persekitaran mereka.





Dengan ini, objektif kajian ini adalah untuk menyelidik hubungan antara penggunaan media sosial dengan perlakuan agresif yang berlaku dalam golongan remaja. Maka kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti isu tersebut dan seterusnya mencadangkan pelan strategik bagi mengatasi masalah yang krisis ini.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i) Mengetahui tahap penggunaan media sosial dalam kalangan pelajar sekolah menengah swasta.
- ii) Mengetahui jenis-jenis media sosial yang sering digunakan dalam kalangan pelajar sekolah menengah swasta.
- iii) Mengetahui hubungan antara penggunaan media sosial dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah swasta.
 - a) Mengetahui hubungan antara penggunaan Facebook dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah swasta.
 - b) Mengetahui hubungan antara penggunaan Instagram dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah swasta.
 - c) Mengetahui hubungan antara penggunaan YouTube dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah swasta.



- d) Mengetahui pasti hubungan antara penggunaan WeChat dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah swasta.
- iv) Mengetahui pasti perbezaan penggunaan media sosial dalam kalangan pelajar sekolah menengah swasta di kawasan bandar dan luar bandar.
- v) Mengetahui pasti perbezaan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah swasta di kawasan bandar dan luar bandar.

1.5 Persoalan Kajian



Kajian ini akan dijalankan bagi menjawab soalan-soalan berikut:

- i) Adakah tahap penggunaan media sosial dalam kalangan pelajar sekolah menengah swasta?
- ii) Adakah jenis-jenis media sosial yang sering digunakan dalam kalangan pelajar sekolah menengah swasta?
- iii) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara penggunaan media sosial dengan tingkah laku agresif pelajar sekolah menengah swasta?
 - a) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara penggunaan Facebook dengan tingkah laku agresif pelajar sekolah menengah swasta?





- b) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara penggunaan Instagram dengan tingkah laku agresif pelajar sekolah menengah swasta?
- c) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara penggunaan YouTube dengan tingkah laku agresif pelajar sekolah menengah swasta?
- d) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara penggunaan WeChat dengan tingkah laku agresif pelajar sekolah menengah swasta?
- iv) Adakah terdapat perbezaan penggunaan media sosial dalam kalangan pelajar sekolah menengah swasta di kawasan bandar dan luar bandar?
- v) Adakah terdapat perbezaan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah swasta di kawasan bandar dan luar bandar?



1.6 Hipotesis Kajian

- Ha1: Terdapat perhubungan yang signifikan antara penggunaan Facebook dengan tingkah laku agresif pelajar sekolah menengah swasta.
- Ha2: Terdapat perhubungan yang signifikan antara penggunaan Instagram dengan tingkah laku agresif pelajar sekolah menengah swasta.
- Ha3: Terdapat perhubungan yang signifikan antara penggunaan YouTube dengan tingkah laku agresif pelajar sekolah menengah swasta.
- Ha4: Terdapat perhubungan yang signifikan antara penggunaan WeChat dengan tingkah laku agresif pelajar sekolah menengah swasta.





Ha5: Terdapat perbezaan yang signifikan penggunaan media sosial dalam kalangan pelajar sekolah menengah swasta di kawasan bandar dan luar bandar.

Ha6: Terdapat perbezaan yang signifikan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah swasta di kawasan bandar dan luar bandar.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada perkara-perkara yang dihadkan oleh pengkaji. Menurut Wan Hishamudin (2015), suatu kajian yang dijalankan tidak berupaya untuk mengkaji dan menyelesaikan semua masalah. Oleh itu, pengkaji harus memberikan batasan dan had kajian untuk para pembaca untuk melancarkan kajian-kajian lanjutan pada masa hadapan.

Antara batasan-batasan kajian yang berkaitan dengan limitasi kajian ini merangkumi tempat dan kawasan kajian, responden kajian dan pemboleh ubah yang dikaji. Dari segi tempat dan kawasan kajian, kajian ini dijalankan di sekitar sekolah dalam daerah Kinta Utara, Perak dan dua buah Sekolah Menengah Swasta atau dikenali sebagai Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) telah dipilih untuk menjalankan kajian. Setiap sekolah mempunyai budaya sekolah serta pengurusan dan pentadbiran sekolah yang berbeza-beza. Oleh yang demikian, kemungkinan terdapat perbezaan hasil dapatan kajian jika kajian ini dijalankan di sekolah berlainan daerah atau negeri.





Selain itu, SMPC dipilih sebagai lokasi kajian ini adalah kerana sistem pembelajaran di SMPC berbeza daripada sekolah kerajaan. Para pelajar perlu menggunakan masa selama enam tahun untuk menyempurnakan pembelajarannya di peringkat menengah, iaitu tiga tahun peringkat menengah rendah (*Junior Middle*) dan tiga tahun peringkat menengah atas (*Senior Middle*) (Teoh Hee Chong, 2005). Disebabkan oleh perbezaan sistem pembelajaran di sekolah tersebut berbanding dengan sekolah harian, pengkaji telah membuat justifikasi untuk menjalankan kajian di SMPC. Selain itu, kajian tentang sekolah swasta dan tingkah laku pelajar jenis sekolah swasta di Malaysia masih sangat kurang (Mohammed Sani, Samsuddeen & Norzaini Azman, 2010). Berdasarkan kenyataan-kenyataan di atas, maka kajian ini amatlah sesuai dan wajar dijalankan di SMPC untuk menyelidik dan mendokumentasikan tahap penggunaan media sosial serta hubungannya dengan tingkah laku sosial para pelajar.



Sampel kajian yang dipilih melibatkan 278 orang murid dari Tingkatan 3 hingga Tingkatan 5 di dua buah sekolah di negeri Perak. Oleh itu, hasil kajian ini hanya dapat mewakili populasi Sekolah Menengah Swasta di negeri Perak sahaja. Dengan ini, dapatan kajian ini mungkin hanya dapat dijadikan sebagai rujukan bagi pengkaji yang ingin mengkaji di tempat selain daripada negeri Perak. Pemilihan responden kajian juga hanya terdiri daripada pelajar-pelajar Tingkatan 3 hingga Tingkatan 5 sahaja. Hal ini demikian kerana peluang pelajar yang berada dalam lingkungan umur 15 hingga 17 untuk terdedah dengan elemen-elemen yang tidak sihat adalah lebih tinggi berbanding dengan pelajar yang berumur 12 hingga 14 tahun. Hal ini demikian kerana pelajar Tingkatan 4 berpendapat bahawa tahun itu merupakan masa bagi mereka bersantai daripada belajar secara serius.





Selanjutnya, sifat kematangan dalam diri pelajar menyebabkan mereka mula berminat dan tertarik untuk mencari pasangan hidup atau rakan sebaya melalui ruangan interaksi dalam media sosial (Raja Shahrina, 2011). Dengan ini, pelajar dalam lingkungan Tingkatan 3 hingga Tingkatan 5 telah dipilih sebagai responden kajian ini untuk melihat sama ada wujudnya perhubungan yang signifikan antara penggunaan media sosial dengan perlakuan keagresifan mereka. Oleh yang demikian, hasil kajian ini hanya dapat mewakili populasi Tingkatan 3 hingga Tingkatan 5 sahaja, dan tidak dapat digunakan untuk proses generalisasi bagi semua pelajar di sekolah menengah. Oleh sebab itu, sampel yang diambil bukan secara menyeluruh. Jadi, keputusannya tidak sesuai untuk digunakan di seluruh Malaysia.

Lokasi kajian ini tertumpu di negeri Perak sahaja, iaitu di kawasan Ipoh dan kawasan Taiping, Perak. Justifikasi ini dilakukan kerana pengkaji ingin meninjau perbezaan tahap penggunaan media sosial di kawasan bandar dan luar bandar. Kajian Fatimah Akmal dan Ali Salman (2015) telah menyatakan bahawa media-media sosial seperti Facebook, Twitter, Instagram, YouTube dan sebagainya merupakan aplikasi sosial yang amat popular dalam kalangan remaja yang berada di kawasan bandar. Oleh itu, pengkaji telah memilih kawasan bandar dan luar bandar sebagai suatu perbandingan dan seterusnya mengkaji hubungan antara penggunaan media sosial dengan tingkah laku agresif para remaja. Ini bermakna kajian ini tidak dapat digeneralisasikan untuk semua keadaan dan hanya bermakna kepada kumpulan yang dikaji di tempat tertentu sahaja. Walau bagaimanapun, kajian ini masih boleh dijadikan sebagai rujukan pada masa yang akan datang.





Kajian ini juga hanya mengkaji bidang-bidang dan aspek-aspek media sosial, tingkah laku agresif remaja dan lokasi kajian sahaja. Aspek-aspek yang lain seperti kecerdasan, pencapaian akademik, latar belakang keluarga, personaliti atau penyebab-penyebab lain tidak diambil kira. Bagi mengenal pasti perkara-perkara yang dinyatakan di atas, pengkaji telah memilih sekolah menengah swasta atau dikenali sebagai Sekolah Menengah Persendirian Cina sebagai populasi yang mewakili latar belakang kajian ini.

Selain itu, perlakuan yang melibatkan keganasan dan agresif yang dikaji juga terbatas kepada beberapa aspek. Perlakuan-perlakuan agresif yang merangkumi pelbagai jenis seperti ponteng sekolah, mencuri, merogol, membuli, melakukan seks bebas, mengambil dadah, minum arak, perjudian dan sebagainya merupakan suatu perbuatan yang agak serius. Aspek utama perlakuan agresif yang dikaji telah merangkumi pelbagai jenis tingkah laku negatif yang telah direkodkan oleh pihak sekolah atau unit disiplin. Hal ini demikian kerana perlakuan agresif tersebut merupakan tingkah laku yang paling mudah berlaku dalam kalangan pelajar dan unsur peniruan dalam tingkah laku ini adalah sangat ketara.

Kajian ini hanya melibatkan dua buah sekolah menengah di kawasan Ipoh dan Taiping, Perak. Penentuan saiz sampel bagi kajian ini adalah berdasarkan kepada Krejcie dan Morgan (1970). Populasi Sekolah Menengah Persendirian Cina di kawasan Ipoh dan Taiping adalah seramai 1000 orang, maka sampel yang dipilih ialah 278 orang pelajar di dua-dua buah sekolah tersebut. Seterusnya, kajian ini juga bergantung sepenuhnya kepada respon dan jawapan yang diberikan dalam instrumen soal selidik oleh responden kajian. Hasil kajian ini adalah sangat bergantung kepada kejujuran dan keikhlasan responden dalam proses menjawab soal selidik.





1.8 Kepentingan Kajian

Pengkaji berharap agar dapatan kajian ini dapat memberi gambaran yang jelas terhadap kepentingan dan keseriusan pengaruh media sosial terhadap tingkah laku agresif remaja di Malaysia. Melalui kajian ini, jenis-jenis masalah sosial yang melibatkan perlakuan agresif dalam kalangan remaja dapat dikesan. Kajian ini sesuai untuk dijadikan sebagai bahan rujukan serta memanfaatkan pelbagai pihak termasuk warga pendidik, ibu bapa, Kementerian Pendidikan Malaysia serta masyarakat. Data-data seperti pengaruh media sosial terhadap perlakuan agresif dalam golongan pelajar, media sosial yang mempunyai pengaruh yang terbesar terhadap perlakuan agresif serta jenis-jenis media sosial yang paling sering digunakan oleh remaja dapat diperoleh secara teliti dan mempunyai kesahan yang tinggi melalui kajian ini.



Kajian ini memainkan peranan yang penting terhadap warga pendidik. Secara langsung, para pendidik dapat merancang tindakan susulan terhadap tingkah laku agresif yang diakibatkan oleh penyalahgunaan media sosial. Di samping itu, warga pendidik juga boleh menyebarkan cara-cara penggunaan media sosial dengan betul seperti menjadikan media sosial sebagai wadah untuk meningkatkan ilmu pengetahuan serta mengekalkan hubungan. Secara tidak langsung, harapan negara Malaysia yang ingin mewujudkan modal insan yang berwawasan dapat dilengkapkan dengan cara penggunaan media sosial yang betul. Kes-kes disiplin seperti membuli, bergaduh dan mencederakan orang lain dapat dielakkan sekiranya pengaruh negatif media sosial dapat dikurangkan kepada tahap yang minimum.





Seterusnya, kajian ini juga penting kepada institusi keluarga bagi mewujudkan suatu gambaran mengenai tahap penggunaan media sosial serta jenis-jenis media sosial yang paling digemari oleh para remaja. Dengan ini, ibu bapa boleh melaksanakan kawalan yang sesuai terhadap penggunaan media sosial anak-anak mereka. Perancangan yang sesuai mengenai masa penggunaan media sosial juga boleh dilaksanakan berdasarkan dapatan kajian yang dikumpulkan daripada responden. Ibu bapa boleh memberikan lebih perhatian serta menemani anak-anak mereka dengan masa yang lebih supaya mereka yang sering melayari media sosial dan mudah terpengaruh oleh media sosial yang berteknologi tinggi dan canggih dalam era globalisasi ini dapat dikawal. Melalui kawalan dan bimbingan yang berterusan, pendedahan media secara positif akan mendatangkan kesan yang positif kepada para remaja.



Dalam kajian ini, pelajar-pelajar yang gemar menggunakan media sosial untuk berkomunikasi boleh mendapat kesedaran serta pengajaran. Hal ini demikian kerana pelajar-pelajar agresif yang mudah dipengaruhi oleh elemen-elemen agresif dan ganas dalam media sosial akan mengamalkan perlakuan agresif dalam kehidupan mereka dan secara tidak langsung masalah pelanggaran disiplin akan berlaku. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat memberi pendedahan tentang kepentingan kawalan diri terhadap impak yang dibawa oleh media sosial terutamanya impak negatif.


Seterusnya, kajian ini juga diharapkan dapat membantu pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam mengatasi masalah-masalah yang diakibatkan oleh tingkah laku agresif serta penggunaan media sosial tanpa kawalan. Hasil kajian yang mendedahkan unsur-unsur keagresifan dalam media sosial terhadap kelakuan agresif



remaja dapat menyediakan maklumat serta pengetahuan tentang jenis media sosial yang paling berpengaruh terhadap para remaja. Kajian ini juga dapat membantu untuk meminimumkan perlakuan agresif dalam golongan pelajar agar modal insan negara dapat diwujudkan melalui sistem pendidikan yang sedia ada.

1.9 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian pada Rajah 1.1 menunjukkan bahawa kajian ini menjurus kepada pengaruh media sosial terhadap perlakuan agresif dalam golongan pelajar sekolah menengah swasta seperti yang dinyatakan di bawah. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan pemboleh ubah tidak bersandar, iaitu pengaruh media sosial yang merangkumi media sosial Facebook, Instagram, YouTube dan WeChat. Pemboleh ubah bersandar pula ialah tingkah laku agresif yang berfokus kepada kes buli. Pengkaji akan menumpukan kajian untuk mengenal pasti penggunaan media sosial terhadap perlakuan agresif pelajar sekolah menengah di antara Tingkatan 3 hingga Tingkatan 5.



Rajah 1.1 Kerangka Konseptual Kajian



Kajian ini mengkaji hubungan antara penggunaan media sosial dengan tingkah laku remaja di antara Tingkatan 3 hingga Tingkatan 5 di kawasan Ipoh dan Taiping, Perak. Dalam kajian ini, instrumen soal selidik akan digunakan untuk proses pengumpulan data. Melalui instrumen tersebut, tahap penggunaan media sosial, jenis-jenis media sosial yang sering digunakan serta hubungan antara penggunaan media sosial dengan tingkah laku agresif remaja akan dikenal pasti dalam kajian ini.

1.10 Definisi Operasional

Dalam bahagian ini, pengkaji akan menjelaskan beberapa takrifan istilah yang digunakan untuk tujuan pengkajian. Antara istilah yang digunakan adalah seperti



1.10.1 Pengaruh

Menurut Barry (2000), pengaruh merupakan suatu jenis kekuasaan yang dapat mempengaruhi seseorang untuk bertindak dengan cara tertentu, atau dikatakan terdorong untuk bertindak demikian walaupun ancaman tersebut tidak menjadi motivasi pendorong. Dalam kajian ini, pengaruh didefinisikan sebagai kesan-kesan positif atau negatif yang dibawa oleh penggunaan media sosial terhadap tingkah laku sosial para remaja di sekolah menengah. Melalui media sosial, kesan-kesan positif seperti mengekalkan hubungan sedia ada, memelihara ikatan dan interaksi secara dua hala serta perkongsian maklumat dapat diperoleh secara langsung dan tidak langsung. Namun demikian, media sosial turut membawa impak negatif seperti peniruan aksi-





aksi keganasan serta tingkah laku yang agresif dalam video atau gambar yang disebarakan melalui media sosial.

1.10.2 Media Sosial

Menurut McGraw Hill Dictionary (2016), media sosial adalah sarana yang digunakan oleh para pengguna untuk berinteraksi satu sama lain dengan cara menciptakan, perkongsian, serta pertukaran informasi dan gagasan dalam sebuah jaringan virtual. Dalam kajian ini, media sosial merujuk kepada media-media seperti Facebook, Instagram, YouTube dan WeChat yang paling popular digunakan dalam kalangan remaja.



1.10.3 Tingkah Laku Agresif



Menurut Dill dan Dill (2007), tingkah laku agresif merupakan tingkah laku yang dilakukan berdasarkan pengalaman dan rangsangan suasana semasa sehingga menyebabkan seseorang itu melakukan tindakan agresif. Tindakan ini boleh berlaku secara dirancang, serta merta atau disebabkan rangsangan oleh sesuatu situasi. Tindakan agresif ini biasanya merupakan tindakan anti sosial yang tidak sesuai dengan budaya dan agama sesebuah masyarakat. Azizi (2004) menyatakan agresif ialah semua tingkah laku yang melibatkan perancangan untuk mencederakan individu selain daripada diri sendiri dan merupakan suatu perlakuan yang perlu dielakkan. Sebab-sebab utama seseorang itu berasa marah adalah diakibat oleh kekecewaan, kejengkelan dan serangan. Dalam konteks kajian ini, tingkah laku agresif merujuk kepada tingkah laku buli, gangsterisme, vandalism, kelakuan nakal, merempit dan sebagainya. Pelajar agresif di





dalam kajian ini merujuk kepada pelajar yang mempunyai kesalahan disiplin dari segi tingkah laku membuli, menumbuk, gangsterisme, dan sebagainya.

1.10.4 Pelajar Sekolah Menengah Persendirian Cina

Menurut Kamus Dewan (2015), pelajar ialah manusia yang sedang belajar di suatu institusi seperti di sekolah rendah dan menengah, maktab, kolej dan universiti atau individu yang sedang menyelidik ilmu pengetahuan melalui kajian penyelidikan. Dalam konteks kajian ini, pelajar yang dimaksudkan ialah pelajar sekolah menengah swasta yang berumur antara 15 hingga 17 tahun, iaitu pelajar Tingkatan 3 hingga Tingkatan 5. Pelajar ini terdiri daripada jantina lelaki dan perempuan yang berbangsa Cina.



1.11 Rumusan

Secara kesimpulannya, bab ini telah merumuskan ringkasan kajian yang dijalankan termasuk konteks pernyataan masalah, objektif kajian, latar belakang masalah, persoalan kajian, kepentingan kajian, kerangka konseptual kajian, definisi istilah dan sebagainya. Dengan ini, pengkaji dapat membuat kesimpulan bahawa hubungan antara penggunaan media sosial dengan tingkah laku agresif remaja yang belajar di sekolah menengah swasta adalah penting untuk dikaji dan dirancang tindakan susulan berikutnya. Hal ini demikian kerana para remaja merupakan tulang negara Malaysia untuk menjayakan impian negara pada masa hadapan. Oleh itu, warga pendidik dan ibu bapa serta pihak-pihak yang bertanggungjawab perlu mengambil perhatian terhadap isu ini yang semakin hangat dibincangkan dalam kehidupan kita.

